

Rugi RM6 bilion setahun

Sinar Harian 3/4/2019 m/s 38

**LKIM syor
Maritim, Polis
Marin pertingkat
kawalan di
perairan negara**

MOHD TAHA YAACOB

KUALA BESUT

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap pihak berkuasa Maritim dan Polis Marin mempertingkatkan kawalan di perairan negara bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, agensi tersebut diharapkan meningkatkan operasi un-

tuk mengelak kehilangan hasil tangkapan di perairan negara akibat kerakusan nelayan asing itu.

Menurutnya, negara turut mengalami kerugian sebanyak kira-kira RM3 bilion hingga RM6 bilion setahun akibat hasil laut ditangkap oleh nelayan asing dan ia merupakan satu kerugian besar.

“Berlaku ketirisan di tengah laut yang bukan sahaja merugikan malah menyebabkan harga ikan tinggi kerana berlaku kekurangan bekalan ikan menyebabkan ikan terpaksa dibeli atau diimport dari tempat lain,” katanya.

Beliau berkata demiki-an kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama nelayan Besut di Kompleks LKIM Besut, di sini.

Hadir sama Pengarah LKIM Terengganu, Tengku Mohd Anuar Tengku



Muhammad Faiz (dua, kanan) menyampaikan peralatan menangkap ikan di Kompleks LKIM Besut.

Mahmood, Pengerusi Persekutuan Nelayan Kawasan Besut, Tengku Harun Ku Ismail dan Pengurus Besar LKIM Besut, Mohd Aziz Omar.

Muhammad Faiz berkata, penguatkuasaan lebih kerap sudah tentu akan

dapat memastikan perairan negara dapat dilindungi sekali gus mengelak ketirisan berterusan berlaku.

“Penguatkuasaan juga perlu diperkemas mengangkumi kawalan di sempadan zon atau sempadan perairan negara kerana

sekiranya masalah ini dapat dikurangkan, sudah tentu rakyat dan nelayan juga dapat dibela,” katanya yang turut menghargai peranan yang telah dimainkan agensi terbabit selama ini.

Menurutnya, LKIM bimbang sekiranya masa-

info

**Ketirisan di tengah laut
menyebabkan
kerugian pada negara
dan harga ikan
melambung tinggi**

lah ini tidak dapat ditangani, ia akan menyumbang kepada kebajikan nelayan asing di perairan negara.

“Satu tindakan bersepadu perlu diberi perhatian serius dalam menangani isu ini dan saya akan berjumpa dengan pihak terbabit untuk membincangkan perkara ini,” katanya.

Sementara itu dalam majlis sama, Muhammad Faiz turut menyampaikan bantuan dan ‘touch point’ kepada nelayan di sini seperti peralatan nelayan, akuakultur dan pampasan unjam.